

# MAJLIS RAMAH MESRA YB MENTERI PERTAHANAN BERSAMA WARGA ATM DI PU KUANTAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3398-majlis-ramah-mesra-yb-menteri-pertahanan-bersama-warga-atm-di-pu-kuantan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3398-majlis-ramah-mesra-yb-menteri-pertahanan-bersama-warga-atm-di-pu-kuantan)

KUANTAN, 26 April 18 - Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato'Sri Hj Affendi bin Buang TUDM bersama memeriahkan Majlis Ramah Mesra bersama Warga ATM di PU Kuantan sempena Program Jelajah Perkasa Perwira oleh Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Jelajah Perkasa Perwira pada kali ini telah menghimpunkan ketiga-tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. Selain itu program ini juga dihadiri oleh pesara-pesara tentera.

Di majlis ini, YB Menteri Pertahanan Malaysia telah sudi menyempurnakan majlis penyerahan kunci RKAT Projek Perpindahan PU Kuala Lumpur dan 1 Malaysia Veteran Home Repair Programme(1MVHRP). Beliau juga turut menyempurnakan Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pendidikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang.

Terdahulu ketibaan YB Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein di Hangar No 10 Skn telah disambut dengan meriah oleh pasukan Tarian Singa, Paluan Kompong, Tarian Bangra serta Panama Dance. Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.





